KENYATAAN MEDIA

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN

KES ALAM SEKITAR YANG DIBAWA KE MAHKAMAH DAN TELAH SELESAI:

PENDAKWARAYA

LAWAN

SENA DIECASTING INDUSTRIES SDN BHD [NO SYARIKAT: 199601015502 / 387852-K]

24 Januari 2024 – Sena Diecasting Industries Sdn.Bhd merupakan premis yang menjalankan aktiviti pembuatan produk logam yang beroperasi di alamat Lot 131, Jalan Permata 2, Kawasan Perindustrian Arab Malaysia, Nilai di Negeri Sembilan.

2. Pada 20 Februari 2023 pada jam sekitar 3.10 petang, sepasukan pegawai dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan siasatan penguatkuasaan ke premis tersebut. Semasa pemeriksaan, terdapat pelepasan efluen perindustrian dari takat pelepasan terakhir sistem pengolahan efluen perindustrian kilang tersebut. Sebanyak tiga (3) botol sampel telah diambil di takat pelepasan akhir kilang berkenaan. Sampel tersebut kemudiannya dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia, Cawangan Petaling Jaya untuk dianalisa oleh Ahli Kimia Kerajaan.

3. Keputusan analisa daripada Jabatan Kimia Malaysia, no makmal: B(AS)00411/23 bertarikh 14 Mac 2023 menunjukkan premis tersebut telah membuang efluen perindustrian melebihi had kepekatan yang ditetapkan di bawah Peraturan 11(1)(a), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu:

i) **Fluorida** yang mempunyai kepekatan sebanyak **42 mg/l** melebihi had kepekatan yang ditetapkan iaitu **2.0 mg/l;**

ii) **Aluminium** yang mempunyai kepekatan sebanyak 78 **mg/l** melebihi had kepekatan yang ditetapkan iaitu **10.0 mg/l**;

iii) **Besi** yang mempunyai kepekatan sebanyak **2.9 mg/l** melebihi had kepekatan yang ditetapkan iaitu **1.0 mg/l;**

iv) **Mangan** yang mempunyai kepekatan sebanyak **0.37mg/l** melebihi had kepekatan yang ditetapkan iaitu **0.2 mg/l;** dan

v) **Nikel** yang mempunyai kepekatan sebanyak **0.26 mg/l** melebihi had kepekatan yang ditetapkan iaitu **0.2 mg/l.**

4. Pihak premis telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan 11(1)(a) , Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan boleh dihukum di Peraturan 32, Peraturan yang sama.

5. Hakim Mahkamah Sesyen 4, Seremban, Yang Arif Puan Mazni binti Nawi telah mensabitkan kesalahan yang dilakukan oleh premis tersebut telah Syarikat telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM 10,000. Hukuman maksima bagi kesalahan di bawah Peraturan 11(1)(a), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah denda tidak melebihi RM 100,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

6. Pihak OKS yang diwakili oleh Encik Md. Norasidi bin Ramli selaku Penolong Pengurus di premis telah membuat pengakuan bersalah di atas satu (1) pertuduhan yang dibacakan dan membayar denda seperti yang ditetapkan. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Encik Muhammad Fitri bin Soroni.

7. JAS Negeri Sembilan akan sentiasa mengambil tindakan tegas dan tiada kompromi kepada penjenayah alam sekitar. Saya menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar melalui:

i. Portal e-aduan.doe.gov.my (https://eaduan@doe.gov.my)

ii. Call centre 1-800-88-2727

iii. Emel aduan_k@doe.gov.my

Sekian.

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN 24 Januari 2024